

## **Peranan perkahwinan campur dalam memupuk hubungan etnik yang harmoni di Sabah**

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan tentang peranan perkahwinan campur dalam memupuk hubungan etnik yang harmoni di Sabah. Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang dikelaskan sebagai bumiputera dan bukan bumiputera. Etnik di Sabah menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek masing-masing. Selain itu, masyarakat pelbagai etnik di Sabah juga mempunyai agama dan amalan adat tradisi yang berbeza menjadikannya sebuah negeri yang unik. Keunikan masyarakat di Sabah turut dapat dilihat melalui perkahwinan campur yang telah menjadi lambang keharmonian jalinan hubungan antara etnik di negeri tersebut. Perkahwinan campur biasanya berlaku antara kumpulan etnik bumiputera atau antara kumpulan etnik bumiputera dengan etnik lain. Oleh itu, perbincangan dalam kertas kerja ini difokuskan terhadap sejauhmanakah peranan perkahwinan campur dapat memupuk hubungan etnik yang harmoni di Sabah. Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap usaha mewujudkan hubungan antara etnik yang harmoni di Sabah.